

# Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia

## *Challenges in Teaching and Learning of Fardhu Ain Classes for the Deaf in Malaysia*

Nizaita Omar<sup>1</sup>, Razi Yaakob<sup>2</sup>, Ruhaizan Sulaiman<sup>3</sup>, Saiful Yuslizam Yakar<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia;

<sup>2,3</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia;

<sup>4</sup> Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

### Progres Artikel

Diterima: 30 November 2021

Disemak: 30 November 2021

Diterbit: 30 November 2021

\*Perhubungan Penulis:

Nizaita Omar,  
Universiti Sultan Zainal  
Abidin, Kuala Nerus,  
Terengganu, Malaysia

Email:

nizaitaomar@unisza.edu.my

**Abstrak:** Kehidupan beragama adalah suatu yang amat penting dalam melahirkan modal insan berkualiti sebagai aset utama pembangunan negara. Individu yang memiliki berpegang teguh kepada ajaran agama akan memiliki cara dan budaya hidup yang lebih teratur, motivasi kerja yang tinggi, dan lebih bersemangat untuk meningkatkan kualiti hidup. Keutuhan untuk hidup mengikut lunas agama merupakan keperluan bagi setiap individu sekalipun kepada Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran. Malangnya, golongan ini telah dikenal pasti sebagai golongan yang keciran dalam pembangunan keagamaan. Pencapaian pelajar OKU Pendengaran dalam mata pelajaran pendidikan Islam dilaporkan sangat lemah. Malah, persepsi mereka terhadap pembelajaran fardu ain adalah membimbangkan apabila menyatakan pengajian ini membosankan dan rasa kurang minat mereka untuk mengikutiinya. Kajian yang dijalankan mendapati golongan OKU Pendengaran secara umumnya mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah dan ketinggalan dalam arus pendidikan formal. Justeru, kajian ini akan meneliti berkaitan bentuk permasalahan dan cabaran yang dihadapi dalam pengendalian pembelajaran dan pengajaran (PdP) fardu ain kepada golongan ini. Kajian yang dikemukakan adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen dan temu bual separa struktur dengan pihak atau individu berkepentingan dalam isu yang dikaji. Empat cabaran utama telah dikenal pasti menjadi kekangan dalam pengendalian PdP fardu ain iaitu faktor sikap dan tahap kecerdasan, kurangnya kesedaran, kekurangan kemudahan info dan infrastruktur yang relevan dan sesuai dan kesukaran untuk mendapatkan pengajar agama yang berkemahiran berbahasa isyarat. Diharapkan kupasan yang dikemukakan berhubung isu ini dapat dijadikan asas untuk pihak berkepentingan dan pemegang taruh dalam memastikan pembangunan keagamaan OKU pendengaran dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

**Kata kunci:** oku pendengaran; cabaran; pembelajaran dan pengajaran; Fardu Ain

**Abstract:** Religious development is an important aspect in producing quality human capital, which is one of the main assets to national development. Individuals who adhere to Islamic teaching tend to have systematic lifestyle and culture, high work motivation and great enthusiasm for life development. The need to follow the Islamic path must be fostered in every individual including those with disabilities like deaf. They are identified as one of the communities with disability who are most left out in spiritual development. Achievement of students with hearing disability in the subject of Islamic Studies is reported to be poor. This study will examine the problems and challenges faced by the hearing impaired in their religious development. The research uses qualitative method analyzing non-numerical data and interviews from related agencies and key informants. Four main challenges have been identified as constraints in handling of TnL Fardu Ain, namely attitude factors and level of intelligence, lack of awareness, lack of relevant and appropriate information facilities, and infrastructure and difficulty in obtaining religious teachers skilled in sign language. This result is important for associated parties to pay attention to this matter

*so that the religious development for the deaf can be ensured.*

**Keywords:** challenges; deaf, teaching and learning; Fardu Ain; education

## Pengenalan

Di Malaysia, definisi Orang Kurang Upaya (OKU) adalah "seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat" (Akta OKU 2008). Pekak adalah salah satu kumpulan OKU yang mempunyai kecacatan dari sudut pendengaran. PKU Pendengaran atau juga dikenali sebagai pekak merujuk kepada orang yang mengalami kekurangan pendengaran sebanyak 90 dB. Pada peringkat ini mereka memerlukan alat bantuan atau bahasa isyarat (Zinaida, 2006). Bagi mereka yang mengalami kerosakan pendengaran sejak kecil, mereka juga sekaligus mengalami masalah pertuturan dan turut dikategorikan sebagai bisu. Dari segi fizikal, warga pekak sama seperti orang normal. Kecacatan yang terselidung menyebabkan orang pekak dipinggirkan dari segi komunikasi dan maklumat penyampaian tidak dapat diperolehi secara meluas (Sulaiman, 2003). Mereka lebih malang daripada kelompok OKU yang lain kerana tidak mampu berkomunikasi dengan dunia luar. Penggunaan bahasa isyarat adalah satu-satunya jalan penghubung dengan dunia luar.

Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) 2007 menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat dalam menjamin kepentingan dan kesejahteraan mereka. Walau bagaimanapun, komuniti OKU hari ini masih ketinggalan dalam arus perdana khususnya dari aspek pendidikan. Fenomena ini mendesak kerajaan memperkenalkan Dasar Sifar Penolakan pada 2019 bagi menjamin golongan ini menerima hak pendidikan yang relevan dan sesuai. Tindakan ini sejajar dengan Dasar OKU di bawah strategi ke-5 memfokus kepada peningkatan akses OKU kepada pendidikan semua peringkat, termasuk pendidikan sepanjang hayat. Ini selari dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) meletakkan kualiti pendidikan sebagai matlamat ke-4. Sehingga kini, pelbagai isu berkaitan dengan OKU termasuk OKU pendengaran terus-menerus menerima kritikan, antaranya isu keciciran dalam pembangunan kerohanian. Justeru, cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam pengendalian aktiviti keagamaan khususnya pengajian fardu ain kepada golongan ini perlu diteliti. Permasalahan yang sedang berlaku perlu

ditangani sebaik mungkin bagi memastikan golongan ini mendapat hak sebagai insan dan warga negara Malaysia.

## Latar Belakang

Islam turut menyanjung hal-hal yang bersangkutan-paut dengan menuntut ilmu, tidak kira sama ada seseorang muslim itu normal mahupun cacat. Kesungguhan dalam mendalami Islam hanya akan terlaksana melalui proses penggalian ilmu. Justeru menuntut ilmu merupakan satu tuntutan dalam Islam sebagaimana hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*"Siapa yang Allah kehendaki kebaikan kepada seorang hamba, maka dia akan difahamkan (melalui proses belajar) tentang agamanya"*

Riwayat Bukhari (71) dan Muslim (1037, 98)

Hak untuk belajar dan memperolehi ilmu adalah hak asasi semua manusia. Dalam Islam, golongan cacat adalah golongan yang tidak boleh dipinggirkan hak mereka untuk belajar dan mendalami ilmu. Hak ini dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam firmanNya yang bermaksud:

*"Dia (Nabi Muhammad S.A.W) bermasam muka dan berpaling kerana dia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya wahai Muhammad)? Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapati daripadamu)! ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasakan keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran al-Quran), maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan dirinya (daripada keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu, dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah) maka engkau berlengah-lengah melayaninya. Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat Al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi)."*

Surah Abasa: 1-11

Miskipun kisah yang dirakamkan dalam al-Quran ini tentang seorang buta, tetapi ia merangkumi

golongan kurang upaya yang lain. Ini bersesuaian dengan kaedah yang terdapat dalam ilmu tafsir dan digunakan oleh kebanyakan ulama' tafsir iaitu '*al ibratu bi umum al lafaz la bi khususi sabab*' (pengajaran diambil daripada umumnya lafaz bukannya kepada sebab khusus penurunan sesuatu ayat Al Quran) (Abu Shahbah, 1992). Golongan ini seharusnya tidak ketinggalan dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan dakwah Islamiah.

Kedudukan orang pekak sebagai golongan *mukallaf* (kewajipan menunaikan tuntutan agama) berdasarkan fatwa para ulama' Islam. Antaranya ialah Abdul Aziz al Baz (1992). Menurut beliau, jika seseorang itu bisu dan pekak sekaligus, ataupun buta dan pekak, ia masih *mukallaf* sekadar kemampuan yang ada kerana mereka mungkin tidak mampu memahami ajaran Islam yang disampaikan kepada mereka seluruhnya. Oleh kerana mereka mampu untuk memahami ajaran Islam walau dengan apa cara sekalipun maka mereka juga termasuk dalam golongan orang-orang *mukallaf*.

Asas kepada kewajipan menunaikan tuntutan agama seperti solat sekalipun mereka tidak dapat mendengar dan tidak boleh melafazkan bacaan ialah golongan pekak masih dapat melihat dan memerhatikan gerak geri individu lain mendirikan solat lalu turut mengikutnya untuk menunaikan ibadat itu. Mereka dituntut untuk melaksanakan suruhan Allah mengikut kadar kemampuan mereka kerana Islam bukannya agama yang menyusahkan dan membebankan. Ini dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud:

*"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya"*

Al Baqarah: 286

Tegasnya, usaha mencari kaedah terbaik bagi penyampaian pengajaran agama kepada golongan pekak adalah suatu kewajipan agama. Ini bertepatan dengan kaedah usul fiqh iaitu tidak sempurna sesuatu kewajipan melainkan dengannya, maka ia menjadi wajib (Abu al-Baqa', 1997).

Di Malaysia, OKU Pendengaran Melayu menunjukkan bilangan yang besar dengan peningkatan dari tahun ke tahun dan senario ini tidak boleh dipandang remeh oleh semua pihak. OKU yang berdaftar pada tahun 2018 adalah seramai 497,390 berbanding 453,258 pada tahun 2017 dan 409,269 pada tahun 2015. Sekiranya definisi Melayu dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 160 dipakai (Bari & Suhaib, 2004), maka bilangan tersebut juga adalah mewakili golongan OKU Pendengaran beragama Islam. Berikut adalah statistik OKU Pendengaran di Malaysia.

**Jadual 1: Pendaftaran Orang Kurang Upaya (Pendengaran) berdaftar sehingga 2018**

<b>Jenis Kecacatan</b>	<b>Bilangan</b>
Penglihatan	36,171
Pendengaran	44,523
Fizikal	179,222
Masalah Pembelajaran	170,269
Pertuturan	2,572
Mental	41,218
Pelbagai	23,415
<b>Jumlah</b>	<b>497,390</b>

Sumber: Diadaptasi daripada Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018)

Selain itu, hasil kajian ke atas 91 responden mendapati tahap pengetahuan agama mereka juga amat membimbangkan berasaskan ujian dengan mengemukakan soalan asas yang semestinya diketahui sebagai seorang muslim. 56% responden gagal menjawabnya dengan pemerolehan markah kurang daripada 60% sebagaimana Jadual 2.

**Jadual 2: Tahap Pengetahuan Agama**

<b>Markah Tahap Pengetahuan Agama</b>	<b>Peratus</b>
80% - 100%	34.1
60% - 79%	20.9
Kurang 60%	56
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Nizaita (2012)

Dari sudut amalan beragama, dapatan kajian menunjukkan tahap keagamaan mereka agak rendah dalam beberapa aspek utama dan memerlukan bimbingan. Antara yang paling ketara adalah 70.5% responden yang tidak pandai membaca Al- Fatihah dan 30.8% yang solat fardu tidak sempurna dan 35.3 tidak mandi hadath selepas kedatangan haid (Mohad et.al, 2018). Justeru, golongan OKU Pendengaran muslim perlu dibantu dalam memperkuuhkan kualiti keagamaan mereka dengan menyediakan kaedah pendekatan dan penyampaian yang sesuai dengan kedudukan fizikal mereka. Malah, bahan pengajaran yang bersesuaian perlu diusahakan agar meningkatkan kecenderungan mereka untuk mendalami ilmu agama.

## Objektif

Kajian ini mensasarkan untuk mengenal pasti secara khusus cabaran yang dihadapi dalam pengendalian PdP fardu ain kepada golongan OKU Pendengaran bagi memastikan pelaksanaan hidup beragama yang turut menjadi suatu kewajipan kepada golongan ini dapat dipenuhi dengan baik.

## Sorotan Literatur

Menerusi pembacaan dan penelitian awal oleh pengkaji terhadap kajian yang bakal dijalankan, terdapat beberapa kajian dan penulisan ilmiah yang berkaitan dan relevan telah diutarakan oleh sarjana terdahulu. Antaranya, beberapa permasalahan telah dikenalpasti dalam usaha pembangunan pendidikan dalam kalangan OKU Pendengaran dikemukakan oleh Siti Ramna Khamaruddin (2018) dan Maszlee Malek (2019) seperti halangan sikap, halangan infrastruktur, halangan akses dan halangan sistem. Kajian tentang tahap keagamaan golongan ini pula diketengahkan oleh beberapa sarjana, antaranya Mohd. Huzairi Awang (2019), Abd. Hakim Mohad (2018) dan Nur Salimah Abu Mansor (2013). Kesemua penyelidik mendapati tahap keagamaan mereka adalah lemah dan ketinggalan. Adapun kajian dari aspek dakwah kepada OKU Pekak turut didahului oleh beberapa penyelidik, antaranya Abdul Munir Ismail (2014), Adnan Mohamed Yusoff (2017) dan Mohd. Huzairi Awang (2017). Pengkaji mengesahkan usaha berdakwah dipergiatkan kepada golongan OKU Pendengaran dan perhatian serius wajar diusahakan oleh institusi agama bagi memajukan kualiti beragama golongan ini.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Secara spesifiknya, reka bentuk penyelidikan yang dipilih oleh penyelidik ialah kajian dokumentasi dan kajian deskriptif tinjauan menggunakan kajian lapangan menerusi temubual. Kaedah ini digunakan dalam penyelidikan ini kerana menepati objektif penyelidikan yang telah ditetapkan sebelum ini. Data kualitatif lebih berfokus kepada mengenal pasti bentuk cabaran yang dihadapi dalam pengendalian kelas pengajian fardu ain kepada OKU Pendengaran.

Kaedah asas yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis dokumen menerusi *metode content analysis* iaitu penelitian terhadap sumber bertulis berautoriti berkenaan isu yang dikaji. Penelitian terhadap ‘data sekunder tempatan’ turut dilakukan dengan merujuk kepada data yang diperoleh daripada kajian-kajian penyelidik tempatan sama ada kajian lepas atau semasa. Selain itu, kaedah temubual turut dijalankan menerusi temubual ‘separa berstruktur’ dan ‘berstruktur’. Kaedah ‘temubual berstruktur’ disediakan kepada peserta terpilih atau yang sudah ditetapkan ciri-cirinya. Peserta terpilih yang terdiri daripada OKU Pendengaran ditemu bual melalui bahasa isyarat dengan menggunakan kepakaran juru bahasa isyarat yang dilantik.

Manakala kaedah ‘temubual separa berstruktur’ dalam kajian ini digunakan untuk menemu bual tokoh-tokoh terkemuka dan pakar-pakar bidang. Proses ini dijalankan bagi memantapkan lagi kesahan maklumat kajian ini disamping berpeluang menerima idea-idea dan saranan daripada pakar-pakar bidang.

## Keputusan

Berikut adalah bentuk cabaran yang dihadapi dalam pengendalian kelas pengajian agama golongan OKU Pendengaran.

### Faktor Sikap dan Tahap Kecerdasan

OKU Pendengaran yang mengalami kecacatan sejak lahir, mereka juga sekaligus mengalami masalah pertuturan dan turut dikategorikan sebagai bisu. Kecacatan mendengar dan bertutur yang dialami amat menyukarkan mereka untuk proses pembelajaran dari segi komunikasi dan penyampaian maklumat (Zaharah, 2003). Lebih merumitkan apabila mereka perlu menguasai sesuatu pembacaan atau hafalan teks keagamaan berbahasa Arab bagi menyempurnakan tuntutan agama atau kewajipan dalam beribadah (Mohad et.al, 2015). Mereka lebih malang daripada kelompok OKU yang lain kerana tidak mampu berkomunikasi dengan dunia luar hingga mengundang sikap rendah diri dalam pergaulan, suka memencilkan diri atau hanya bergaul dalam kelompok mereka sahaja. Sikap ini akhirnya menyebabkan mereka meminggirkan diri daripada mengikuti kelas pengajian agama yang dianjurkan.

Bukar sekadar tidak mampu mendengar dan bertutur, OKU Pendengaran juga berhadapan dengan tahap kecerdasan atau kognitif yang rendah dari sudut memori dan berfikir (Mohad et.al, 2015). Mereka berhadapan dengan ingatan jangka pendek iaitu ingatan yang akan disimpan dan tidak dapat bertahan lama. Ingatan jangka pendek atau sesuatu maklumat yang diterima tidak dapat bertahan lama berlaku kepada pelajar yang mempunyai masalah pendengaran disebabkan maklumat diterima tidak dapat dihubungkan dengan objek lain yang menyebabkan ingatannya hilang. Berbanding dengan pelajar normal, mereka berupaya mengaitkannya dengan objek lain yang memberikan kesan sesuatu maklumat akan bertahan lebih lama (Seman, 2016).

### Kurang Kesedaran dalam Pembangunan Keagamaan.

Masyarakat hari ini termasuk OKU Pendengaran, sebahagiannya masih mengabaikan tuntutan agama khususnya fardu ain dengan alasan

kecacatan yang dialami. Sikap sebegini menjadikan mereka turut memandang tidak serius kepada pembangunan keagamaan dengan anggapan bahawa golongan ini tidak dibebankan dengan kewajipan menunaikan tuntutan agama (Muda, 2021).

Sebagai contohnya, kegagalan OKU Pendengaran untuk mendengar dan bertutur sebagai medium untuk mereka belajar dan melaksanakan solat dengan rukunnya yang berbentuk *qauli* menjadikan mereka meninggalkan ibadah ini. Alasan yang diberi adalah bagaimana mereka hendak membaca dan menghafal al-Fatihah jika mereka tidak boleh mendengar sejak lahir dan tidak mampu membunyikan huruf hijaiyah, apakah lagi memyebutnya dengan sempurna?

#### *Kurang Info dan Infrastruktur untuk Proses Pembelajaran dan Pengajaran.*

Didapati info dan infrastruktur disediakan kurang mesra OKU Pendengaran, bahan bacaan dan pembelajaran tidak dalam format yang boleh diakses lazimnya oleh mereka dan sistem berbentuk peraturan dan syarat-syarat yang disediakan juga dilihat mendiskriminasi golongan ini tanpa melihat kesukaran yang OKU hadapi dengan kecacatan yang dialami (Malek, 2019).

Walaupun dari sudut pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) formal, Program Pendidikan Inklusif (PPI), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Sekolah Pendidikan Khas (SPK) telah diwujudkan, namun pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) masih lagi lemah dan perlu dilihat dengan lebih serius (Raus, 2019). Hal ini menjadikan pelajar yang tidak berminat untuk menghadiri kelas fardu ain, selalu mengelak diri daripada kelas fardu ain berpunca daripada kaedah pembelajaran kurang menarik. Mereka sukar untuk memahami kandungan fardu ain malah adakalanya tidak langsung berupaya memahami pengajaran di kelas fardu ain (Nor, 2017).

Biarpun disedari golongan ini merupakan insan yang bergantung sepenuhnya kepada penglihatan (visual) memandangkan kebanyakan mereka tidak dapat mendengar dan bertutur sejak dari lahir, namun pelaksanaan program pengajian agama kepada mereka hari ini masih lagi bercorak tradisional tanpa penyediaan bahan bantuan mengajar yang bersesuaian (Seman, 2016). Kekurangan alat bantu mengajar yang sesuai untuk pelajar pekak menyebabkan pembelajaran lebih dijalankan dalam bentuk pengkuliahuan (Mohad et.al, 2015). Selain itu, pembelajaran yang bersifat teori semata-mata tanpa dilaksanakan secara amali tidak akan banyak membantu golongan ini dalam memahami agama. Mereka perlu ditunjuk ajar dalam bentuk

praktikal secara latih tubi dan didedahkan dengan persekitaran sebenar. Hakikatnya, golongan OKU Pendengaran memerlukan bimbingan dan perhatian yang lebih berbanding dengan pelajar yang normal. Kebanyakan daripada mereka masih memerlukan tunjuk ajar tentang perkara-perkara asas (Mohad, et.al, 2015).

#### *Kurang Tenaga Pengajar Berkemahiran dalam Bahasa Isyarat.*

Golongan OKU yang paling sukar menerima dan memahami maklumat yang disampaikan ialah warga OKU Pendengaran. Bagi mengatasi masalah ini mereka memerlukan khidmat jurubahasa isyarat. Malangnya, bilangan mereka yang berlatar belakang pendidikan agama dan boleh menyampaikan ajaran Islam dengan bahasa isyarat adalah amat sedikit. Hal ini sekaligus membantut proses dalam menyampaikan mesej ajaran Islam (Ismail, 2014). Bahkan juru bahasa terlatih yang boleh menterjemahkan penyampaian yang berkaitan dengan agama juga terbatas. Bukan semua juru bahasa terlatih boleh menterjemahkannya kerana terdapat istilah-istilah dalam ajaran agama yang perlu difahami dengan jelas (Abu Mansor, 2007).

Sementara pembelajaran agama golongan OKU Pendengaran secara formal di institusi pendidikan juga seringkali berhadapan dengan berbagai masalah seperti guru agama yang tidak mempunyai kemahiran bahasa isyarat (Mohad et.al, 2015). Menurut Sazali Shaari (2011), adalah menjadi satu tuntutan kepada guru pendidikan khas untuk orang pekak disyaratkan memiliki kemahiran berbahasa isyarat agar proses PdP dapat berjalan dengan lancar dan bersifat dua hala. Apa yang berlaku hari ini, terdapat guru yang mengajar di luar bidang kepakaran mereka (Yakar, 2021).

#### **Perbincangan**

Kedudukan orang pekak sebagai golongan *mukallaf* adalah berdasarkan perbahasan fuqaha' dan fatwa yang dikeluarkan oleh ulama' Islam yang menyatakan bahawa golongan OKU masih dianggap *mukallaf* selagaimana memiliki akal yang waras (al-Syarqawi, t.t; al-Baz, 1992). Kewajipan melaksanakan tuntutan agama seperti ibadah adalah mengikut kadar kemampuan masing-masing melihat kepada bentuk kecacatan yang dialami. Umat Islam perlu meletakkan iltizam yang tinggi dalam menyampaikan mesej Islam kepada golongan cacat pendengaran dan tidak membiarkan mereka dalam kejahilan (Zaydan, 1976; Ismail, 2014). Perkara ini turut ditekankan oleh Fathi Yakan (2001) dengan menyatakan bahawa golongan OKU adalah sebahagian daripada sasaran dakwah. Justeru, mereka perlu diajar, dibimbing, diberi ilmu pengetahuan agama sehingga mampu mengamalkan

ajaran agama disebabkan mereka adalah golongan mukallaf yang dipertanggungjawabkan dengan hukum-hukum dan suruhan agama (Aqil 1958; Khamaruddin, 2018).

Hak beragama adalah satu perkara utama yang perlu diberi perhatian. Belajar, memahami, menghayati lantas melaksanakan tuntutan agama merupakan suatu kewajipan yang perlu dipikul oleh warga pekak sebagaimana insan muslim yang lain. Biarpun, terdapat beberapa kelonggaran diberikan dari sudut cara atau kaedah melaksanakan sesuatu kewajipan, namun tuntutan dan kefarduan untuk melaksanakannya masih lagi ditaklifkan kepada mereka. Justeru menjadi tanggungjawab daie (pendakwah), untuk membantu dan membimbing mereka tentang agama dengan apa jua cara yang tepat dan bijaksana sesuai dengan kecacatan yang mereka alami. Pembangunan agama yang baik bakal melahirkan warga pekak yang memiliki jati diri yang kukuh dan berkeperibadian mulia yang mampu menyumbang kebaikan untuk diri, masyarakat dan negara.

Walau bagaimanapun, pengajian agama khususnya berkaitan ibadah fardu ain bukanlah suatu yang mudah untuk diajar kepada OKU Pendengaran. Lazimnya, pengajaran pengajian fardu ain memerlukan latihan amali yang berterusan apatah lagi melibatkan mereka yang menghadapi masalah kecerdasan akal. Justeru itu, Awang (2010) menyarankan para pendidik menjadikan sesi PdP fardu ain menarik dan memberi makna kepada pelajar dengan menggunakan kaedah pelbagai yang sesuai dan relevan untuk golongan ini. Kebergantungan golongan ini kepada penglihatan (visual) selain penggunaan bahasa isyarat dalam menerima maklumat perlu digunakan semaksimum mungkin dalam memahamkan mereka terhadap pengajian fardu ain. Penggunaan kaedah pengajaran yang menggunakan kekuatan teknologi berbentuk visual seperti fotografi dan video pasti mampu menarik minat golongan ini untuk mengikuti pengajaran agama terutama bagi golongan remaja.

Tidak dapat dinafikan, terdapat pelbagai halangan utama yang berpotensi menjelaskan usaha dalam pengendalian pembelajaran fardu ain OKU Pendengaran. Antara halangan yang dikenal pasti ialah halangan fizikal, halangan sikap dan tahap kecerdasan, halangan komunikasi dan halangan ekosistem pembelajaran. Namun, apapun cabaran dan kesukaran yang dihadapi dalam membangunkan keagamaan warga pekak perlu ditangkis dan diatasi kerana mereka adalah aset negara yang memiliki hak untuk dibangunkan.

Justeru, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Perkara 441 masih relevan untuk disemak semula iaitu menyatakan:

*Adalah didapati juga kebanyakannya daripada bilik-bilik yang kini digunakan untuk kanak-kanak pekak tidak sesuai. Pendidikan untuk kanak-kanak pekak ini bukan sahaja memerlukan pendekatan-pendekatan khas dan alat-alat khas bahkan juga bilik khas.*

Malah, kenyataan Menteri Pendidikan sempena Pelancaran Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi 2019 perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan serius. Berikut adalah kenyataan beliau (Malek, 2019):

*Bagi menghapuskan halangan-halangan ini, pihak institusi pendidikan tinggi perlu menyediakan pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang bagi memastikan sasaran halangan sifar (zero barrier) dapat dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang. Sementara halangan sifar belum tercapai, penyesuaian munasabah perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar, kakitangan dan warga OKU yang lain dapat mengikuti pengajian atau melaksanakan tugas mereka dengan selamat dan selesa, seiring dengan rakan-rakan bukan OKU mereka yang lain.*

## Kesimpulan

Pembangunan keagamaan OKU Pendengaran perlu dipandang serius dan mendapat perhatian sewajarnya. Pendekatan agama dan didikan rohani terbukti mampu menjana peribadi mereka sebagai modal insan berkualiti sekaligus membendung mereka daripada terjerumus ke lembah maksiat. Apapun cabaran dan kesukaran yang dihadapi dalam membangunkan keagamaan golongan ini perlu ditangkis dan diatasi kerana mereka adalah aset negara yang memiliki hak untuk dibangunkan. Pembangunan agama dan kerohanian merupakan tapak asas yang perlu diperkuatkan agar jati diri yang sebenar dapat dibentuk.

## Penghargaan

Setinggi penghargaan dirakamkan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin atas penganugerahan Translational University Grant (TUG) 2019 (UniSZA/TUG/2019/03) di bawah tajuk: Pelaksanaan Modul Pembelajaran Aktif Fardu Ain Golongan OKU Pekak di Pusat Pembelajaran Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu.

## Rujukan

- Abu al-Baqa', M. F. T (1997). Syarh al Kaukib al Munir, t.tpt: Maktabah al Abikan
- Abu Mansor, N. S. (2007). Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) sebagai Wahana Dakwah: Kepentingannya dalam Penghayatan Agama Warga Pekak. *Kertas Kerja dalam Seminar My SL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak Malaysia*, di Johor Bahru, pada 23 hingga 25 Ogos.
- Abu Shahbah, M. (1992). Al-Madkhāl li Dirasat al-Qur'an al-Karim. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Al-Baz, A. A. (1992). Majmu' al-Fatawa wa Maqalat Mutanawwi'ah. Riyad: Maktabah al-'Arif.
- Al-Syarqawi, A.H. (t.th), Hasyiah al Syarqawi, Beirut: Dar al Ihya' al Turath al Arabi
- Aqil, I. (1958). Zad al-Muta'allim. Pulau Pinang: Maktabah Haji Abdullah bin Muhammad Kementerian Kesihatan Malaysia. Kecacatan Pendengaran. Dalam: <http://www.myhealth.gov.my/kecacatan-pendengaran/>
- Awang, M. H. (2010). Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran terhadap Pembelajaran Fardhu Ain: Cabaran terhadap Guru in *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*, Join Conference UPI & UPSI in Bandung, Indonesia, on November 8-10.
- Bari, A. A., & Shuhaimi, F. S. (2004). Constitution of Malaysia: Text and Commentary. Kuala Lumpur: Pearson Prentice-Hall.
- Ismail, A. M. (2014). Dakwah Islam dan Orang Pekak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JKM [Jabatan Kebajikan Masyarakat] Malaysia. (2008). Akta OKU: Akta 685, Bahagian II, Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat.
- Khamaruddin, S. R. (2018). Analisis Keperluan Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi Terminologi Ibadah. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, Vol. 4 (June) 2018 65-68
- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia] (1996). Akta Pendidikan (Akta 550), Bab 8 Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia (1980), Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb November 1979), cet 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malek, M. (2019). Ucapan Menteri Pendidikan Malaysia Bersempena Majlis Pelancaran Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institut Pendidikan Tinggi. Dalam: <https://www.moe.gov.my/muat-turun/teks-ucapan-dan-slide/2019-7/3020-majlis-pelancaran-garis-panduan-pelaksanaan-dasar-inklusif-orang-kurang-upaya-di-institusi-pendidikan-tinggi/file>
- Mohad, A. H, Mohd. Mokhtar, R.A., Omar, N. (2018). The Religious Practices of Deaf Muslims in Malaysia: A Case Study at the Special Education School. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 3(1), February 2018.
- Mohad, A. H. Mohd. Mokhtar, R.A., Omar,N., Muda, Z. (2015). The Deaf Community's Attitudes Towards Islamic Education. *International Journal of Arts & Sciences*. CD-ROM. ISSN: 1944-693408(08):573–580  
[https://www.researchgate.net/publication/292881503\\_The\\_Deaf\\_Community's\\_Attitudes\\_Towards\\_Islamic\\_Education](https://www.researchgate.net/publication/292881503_The_Deaf_Community's_Attitudes_Towards_Islamic_Education). Dilayari pada 12 April 2021.
- Muda, I. (2021). Pengurus Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu (PKPT). Bertempat di Pusat Pembelajaran PKPT, Jalan Sultan Mohamad, Terengganu. Pada 10 April 2021, 4.30 petang (Temu bual)
- Nor, S. M. (2017). Knowledge of Fardhu Ain among Students with Hearing Diffculties. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1) 2007 76-81
- PKKPM [Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia]. (1975). Report of the Hoc to Define and Hard of Hearing. Kuala Lumpur: Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Raus, M. N. (2019). Pendidikan Agama Dalam Kalangan OKU: Isu dan Cabaran Semasa. Kertas Kerja Seminar Kesedaran Pendidikan KAFA kepada OKU pada 9 April 2019 di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi.
- Seman, N.H., Che Omar, M,Yusoff, A., Abdullah M.Y. (2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran dalam pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal Ilmi Jilid 6-2016:105-124*. Kolej Universiti Islam Melaka
- Shaari, S. (2011), Menaruh Haran: Memartabatkan Pendidikan Orang Pekak. <http://msazali.blogspot.com/2011/01/menaruh-haran-memartabatkan.html>. Dilayari pada 12 April 2021
- Sulaiman, S. Z. (2003), Teks Ucapan Sempena Hari Orang Pekak Antarabangsa Peringkat

- Kebangsaan.  
[http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p\\_2004\\_5857\\_a96c63db877343118de e5b2c4b2fec7d.pdf](http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p_2004_5857_a96c63db877343118de e5b2c4b2fec7d.pdf). Dilayari pada 12 April 2021.
- Yakan, F. (2001). Al-Mutasaqitun ‘Ala Tariq al-Da’wah. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi (2019). <https://www.moe.gov.my/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/2785-garis-panduan-pelaksanaan-dasar-inklusif-oku-di-ipt/file>
- Yakar, S. Y. (2021). Pengajar Terlatih Kelas Fardu Ain Bahasa Isyarat. Bertempat di Pusat Pembelajaran PKPT, Jalan Sultan Mohamad, Terengganu. Pada 10 April 2021, 6.00 petang (Temu bual).
- Zaydan, A. K (1976). Usul al-Da’wah. Beirut: Maktabah al-Manar al-Islamiyyah